

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN ABDULLAH SANI
BIN ABDUL HAMID [KUALA LANGAT]**

TARIKH : 25 MEI 2016

SOALAN :

**YB Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta
PERDANA MENTERI menyatakan jumlah kenaikan (adjustment) terhadap
penjawat awam di atas gaji pokok.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 - Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan di Bawah Sistem Saraan Malaysia yang berkuat kuasa mulai 1 Julai 2016, Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan penetapan Gaji Permulaan Terendah (GPT) RM1,200 sebulan yang melibatkan 60,000 penjawat awam. Di samping itu, 1.6 juta penjawat awam turut menerima faedah pemindahan gaji bersamaan satu (1) Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) berdasarkan kadar KGT gred masing-masing.

Sekian, terima kasih.